RIDER MEDIC-SAVE

# Perlindungan Perubatan Tanpa Kerumitan



eTiQa Insurans



Apabila anda perlu mendapatkan rawatan di hospital, anda tidak sepatutnya memikirkan tentang bayaran perubatan ataupun bayaran untuk tinggal semalaman di hospital.

Dengan Rider Medic-Save, anda tiada masalah ketidak-mampuan. Anda hanya perlu pergi di mana-mana hospital panel yang berdekatan untuk mendapatkan rawatan segera.

Rider Medic-Save direka khusus untuk menyediakan anda perlindungan Hospital & Pembedahan yang menyeluruh, faedah-faedah tambahan dan kad kemasukan hospital tanpa sebarang prosedur yang merumitkan.

Rider Medic-Save memenuhi keperluan anda dengan pelbagai pilihan pelan dengan kadar premium yang berpatutan. Kami membuatkannya lebih mudah dengan bayaran premium bulanan.

Anda tidak perlu risau lagi apabila dilindungi oleh Medic-Save.

## CIRI-CIRI DAN FAEDAH-FAEDAH

Bila anda mengambil rider ini, anda akan mendapat kemudahan-kemudahan seperti:

- Faedah Hospitalisasi Menyeluruh, termasuk sebelum dan selepas pembedahan
- Faedah kecemasan tambahan dan faedah fisioterapi pesakit luar
- Faedah tambahan bagi penyakit kritikal yang biasa
- Kad kemasukan yang memudahkan kemasukan ke hospital-hospital panel*
- Pembaharuan perlindungan sehingga umur 75 tahun
- Premium yang berpatutan dengan pilihan pembayaran bulanan

* *Jika anda dimasukkan ke hospital bukan panel, anda mesti membayar dahulu dan kemudian menuntut pembayaran balik daripada syarikat insurans selepas rawatan perubatan anda selesai.*

## KELAYAKAN

Anda layak untuk mengambil rider ini sekiranya anda berumur di antara 30 hari dan 59 tahun (harijadi seterusnya). Umur maksimum bagi rider ini adalah sehingga 75 tahun.



## PREMIUM

Premium adalah bergantung kepada jantina, umur dan pelan yang dipilih. Bayaran pembaharuan premium tidak dijamin dan Syarikat mempunyai hak untuk menukar kadar premium pada masa pembaharuan dengan memberikan notis secara bertulis dalam tempoh 90 hari untuk kenaikan premium. Untuk maklumat lanjut dan penerangan tentang premium, sila rujuk kepada agen-agen kami.

## PERLINDUNGAN TAMBAHAN

Sekiranya anda sudah mempunyai insurans perubatan, anda boleh menambah rider ini sebagai tambahan kepada jumlah perlindungan anda, memberikan anda perlindungan tambahan di kala kos perubatan yang sentiasa meningkat dari tahun ke tahun.

## PEMBAYARAN

Pembayaran bil perubatan anda adalah berdasarkan seperti berikut:

***Insurans-bersama***

Insurans-bersama merupakan perkongsian sebahagian daripada bayaran perubatan dengan penginsurans. Rider Medic-Save mempunyai insurans-bersama sebanyak 10% ke atas Manfaat "Seperti Bayaran Yang Dikenakan" (sila rujuk Jadual Manfaat). Ini bermakna, untuk semua manfaat yang dilindungi di bawah definisi "Seperti Bayaran Yang Dikenakan", anda hanya bayar 10% daripada bil perubatan anda, dan selebihnya 90% akan ditanggung oleh syarikat insurans.









*Contoh:*
Pemegang polisi mengambil Pelan 5 (RM150 untuk Bilik & Penginapan)

*Bil Hospital:*

| Butir-butir | Jumlah (RM) | Syarikat Insurans (RM) | Pemegang Policy (RM) |
|---|---|---|---|
| Jumlah caj bilik (10 hari x RM140) | 1,400 | 1,400 (Maksimum RM150 sehari) | 0 |
| Pembedahan | 5,000 | 4,500 | (Insurans-bersama 10%) 500 |
| Perkhidmatan dan Bekalan Hospital | 1,250 | 1,125 | (Insurans-bersama 10%) 125 |
| Rawatan Pergigian Kecemasan dari Kemalangan | 1,800 | 1,000 (Sehingga RM1,000) | 800 |
| Jumlah | 9,450 | 8,025 | 1,425 |

Pembayaran oleh Etiqa Insurans: RM8,025
Pembayaran oleh Pemegang Polisi: RM1,425

## PREMIUM TAHUNAN

*Kadar premium adalah berdasarkan kepada umur yang dicapai, dan bukan berdasarkan umur ketika memohon pelan ini.*

| Lelaki | Pelan | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Lingkungan Umur yang Dicapai | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
| 1 - 6 | 840 | 792 | 751 | 617 | 552 | 449 |
| 7 - 19 | 529 | 488 | 452 | 374 | 342 | 285 |
| 20 - 24 | 525 | 485 | 453 | 385 | 345 | 290 |
| 25 - 29 | 579 | 532 | 498 | 423 | 379 | 318 |
| 30 - 34 | 702 | 655 | 599 | 498 | 442 | 358 |
| 35 - 39 | 808 | 756 | 689 | 572 | 507 | 405 |
| 40 - 44 | 948 | 888 | 809 | 677 | 600 | 480 |
| 45 - 49 | 1,209 | 1,134 | 1,032 | 870 | 774 | 616 |
| 50 - 54 | 1,457 | 1,336 | 1,228 | 1,031 | 907 | 720 |
| 55 - 59 | 1,934 | 1,765 | 1,628 | 1,373 | 1,207 | 957 |
| 60* - 64 | 2,638 | 2,408 | 2,221 | 1,886 | 1,660 | 1,315 |
| 65* - 69 | 3,497 | 3,192 | 2,948 | 2,484 | 2,196 | 1,745 |
| 70* - 75 | 4,898 | 4,498 | 4,183 | 3,575 | 3,185 | 2,613 |





## JADUAL MANFAAT

Anda boleh memilih perlindungan yang anda perlukan berdasarkan pelan-pelan di bawah:

| JADUAL MANFAAT (RM)<br>Manfaat Asas | PELAN 1 | PELAN 2 | PELAN 3 | PELAN 4 | PELAN 5 | PELAN 6 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Manfaat Pesakit Dalam Hospital** | | | | | | |
| Bilik & Penginapan Hospital (maksimum 120 hari setiap tahun polisi) | | | | | | |
| Malaysia | 350 | 300 | 250 | 200 | 150 | 100 |
| Luar dari Malaysia | 700 | 600 | 500 | 400 | 300 | 200 |
| Unit Penjagaan Rapi (maksimum 20 hari setiap tahun polisi)<br>Yuran Pembedahan, Termasuk Yuran Pakar Bius dan Bilik Bedah<br>Perkhidmatan dan Bekalan Hospital<br>Lawatan Doktor Semasa di Hospital (1 lawatan setiap hari)<br>Lawatan Pakar Semasa di Hospital (1 lawatan setiap hari)<br>**Manfaat Pesakit Luar**<br>Ujian Diagnosis Pra-Hospital (sehingga 60 hari sebelum)<br>Nasihat Pakar Pra-Hospital (sehingga 60 hari sebelum)<br>Rawatan Selepas Hospitalisasi (sehingga 60 hari selepas)<br>Yuran Ambulans<br>Pembedahan Sehari | SEPERTI BAYARAN YANG DIKENAKAN (tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan, Had Seumur Hidup & 10% Insurans bersama) | | | | | |
| Cukai Perkhidmatan Kerajaan Malaysia | 5% ke atas Bilik & Penginapan | | | | | |
| Yuran Laporan Perubatan (setiap tahun polisi) | 100 | 100 | 100 | 80 | 80 | 80 |
| Manfaat Harian Penjagaan Kanak-kanak yang Diinsuranskan (sehingga 120 hari setiap tahun polisi) | 100 | 100 | 100 | 80 | 80 | 80 |
| Pendapat Kedua untuk Pembedahan (setiap tahun polisi) | 200 | 200 | 150 | 150 | 100 | 100 |
| Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan (sehingga 120 hari setiap tahun polisi) | 100 | 100 | 100 | 80 | 80 | 80 |
| Rawatan Kemalangan Kecemasan untuk Pesakit Luar (Had setiap kemalangan, dalam tempoh 24 jam) | 1,500 | 1,500 | 1,250 | 1,250 | 1,000 | 1,000 |
| Rawatan Pergigian Kecemasan dari Kemalangan (Had setiap kemalangan, sehingga tempoh 24 jam) | 1,500 | 1,500 | 1,250 | 1,250 | 1,000 | 1,000 |
| Rawatan Kecemasan Sakit (Had setiap lawatan, 12 tgh mlm hingga 6 pg) | 50 | 50 | 50 | 50 | 50 | 50 |
| Rawatan Fisioterapi Pesakit Luar (sehingga 60 hari selepas hospitalisasi) | 1,500 | 1,500 | 1,250 | 1,250 | 1,000 | 1,000 |
| **HAD TAHUNAN KESELURUHAN** | **100,000** | **80,000** | **70,000** | **60,000** | **50,000** | **30,000** |
| **Manfaat-manfaat Lanjutan** | | | | | | |
| Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar (setiap tahun polisi) | 72,000 | 66,000 | 60,000 | 54,000 | 48,000 | 36,000 |
| Rawatan Kanser Pesakit Luar (setiap tahun polisi) | 72,000 | 66,000 | 60,000 | 54,000 | 48,000 | 36,000 |
| Pemindahan Organ (Had seumur hidup) | 50,000 | 50,000 | 40,000 | 40,000 | 30,000 | 20,000 |
| **HAD SEUMUR HIDUP KESELURUHAN** | **300,000** | **240,000** | **210,000** | **180,000** | **150,000** | **90,000** |
| **Manfaat-manfaat Tambahan** | | | | | | |
| Perbelanjaan Pengkebumian | 2,000 | 2,000 | 2,000 | 2,000 | 2,000 | 2,000 |

* *Kemasukan ke Hospital diuruskan oleh Medijaring. Bayaran yang dikenakan adalah berdasarkan kepada Caj Berpatutan dan Kebiasaan dan tertakluk kepada 10% Insurans Bersama, Had Tahunan Keseluruhan & Had Seumur Hidup Keseluruhan.*





| Wanita<br>Lingkungan Umur yang Dicapai | Pelan<br>1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 - 6 | 840 | 792 | 751 | 617 | 552 | 449 |
| 7 - 19 | 562 | 520 | 481 | 395 | 363 | 303 |
| 20 - 24 | 557 | 512 | 479 | 407 | 365 | 306 |
| 25 - 29 | 651 | 599 | 561 | 477 | 427 | 357 |
| 30 - 34 | 825 | 769 | 704 | 589 | 522 | 420 |
| 35 - 39 | 1,036 | 970 | 883 | 740 | 656 | 523 |
| 40 - 44 | 1,252 | 1,172 | 1,068 | 902 | 801 | 638 |
| 45 - 49 | 1,536 | 1,440 | 1,311 | 1,117 | 994 | 788 |
| 50 - 54 | 1,585 | 1,454 | 1,335 | 1,128 | 994 | 784 |
| 55 - 59 | 1,797 | 1,637 | 1,508 | 1,270 | 1,114 | 879 |
| 60* - 64 | 2,246 | 2,048 | 1,889 | 1,592 | 1,399 | 1,108 |
| 65* - 69 | 3,007 | 2,742 | 2,532 | 2,125 | 1,868 | 1,483 |
| 70* - 75 | 4,063 | 3,724 | 3,460 | 2,929 | 2,602 | 2,128 |

** Untuk pembaharuan sahaja*

## PENGECUALIAN

Tiada sebarang bayaran akan dibuat sekiranya kemasukan hospital, pembedahan atau pembayaran yang dikenakan adalah diakibatkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau separuh daripadanya, oleh salah satu (1) daripada kejadian berikut:

1. Penyakit-penyakit sedia ada seperti yang ditakrifkan di sini.
2. Penyakit-penyakit tertentu yang berlaku dalam masa seratus dua puluh (120) hari pertama semasa pemilikan perlindungan berterusan.
3. Sebarang masalah perubatan atau fizikal yang timbul dalam masa tiga puluh (30) hari pertama ke atas perlindungan Orang Yang Dilindungi, atau pembaharuan pelan, yang mana terdahulu kecuali kecederaan akibat kemalangan.
4. Pembedahan plastik/kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, cermin mata, dan pembiasan atau pembedahan pembetulan ke atas rabun dekat (Radial Keratotomy atau Lasik) dan penggunaan atau pemilikan peralatan prostetik luaran atau alatan seperti anggota badan palsu, bantuan pendengaran, penentu jarak jantung dan priskipsi.
5. Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali yang disebabkan oleh kecederaan kemalangan terhadap gigi asal semasa dalam tempoh insurans.
6. Penjagaan persendirian, penyembuhan atau penjagaan kesihatan mental, dadah yang dilarang, kemabukkan, pembersihan kuman, penyakit kelamin atau yang disebabkan oleh AIDS atau ARC (AIDS Related Complex - Komplikasi Yang Berkaitan Dengan AIDS), dan penyakit yang berkaitan dengan HIV, dan sebarang penyakit berjangkit yang perlu dikuarantin yang telah ditetapkan peraturan.
7. Sebarang rawatan atau operasi pembedahan bagi keganjilan semasa kelahiran atau kecacatan termasuk keadaan yang diwarisi.
8. Kehamilan, kelahiran bayi (termasuk kelahiran melalui pembedahan), keguguran, pengguguran dan pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, pencegah kehamilan secara mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan kesuburan. Mati pucuk dan ujian atau rawatan terhadap ketidakupayaan atau pembersihan.
9. Kemasukan hospital yang disebabkan oleh hal-hal penyiasatan, diagnosa, pemeriksaan X-ray, pemeriksaan fizikal umum atau pemeriksaan kesihatan, tidak berkait dengan sebarang rawatan atau diagnosa terhadap ketidakupayaan yang dilindungi atau rawatan yang tidak diperlukan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat pencegahan atau pemeriksaan yang dilakukan oleh doktor pakar dan rawatan bagi mengurangkan atau menambah berat badan.



10. Membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau kecederaan diri yang disengajakan semasa waras atau tidak waras.
11. Peperangan atau sebarang perlakuan berkaitan peperangan, yang diisytiharkan atau tidak diiystiharkan, jenayah atau aktiviti pengganas, menjalankan aktiviti aktif dalam ketenteraan, penglibatan secara langsung atau tidak langsung dalam mogok, rusuhan dan pergerakan sivil atau pemberontakan menentang kerajaan.
12. Radiasi ion atau pencemaran oleh radioaktif dari sebarang bahan nuklear atau sisa nuklear daripada proses pemisahan nuklear atau sebarang peralatan senjata nuklear.
13. Perbelanjaan yang disebabkan oleh menderma sebarang organ badan oleh orang yang dilindungi insurans dan kos memperolehi organ tersebut termasuk semua kos disebabkan oleh penderma semasa pemindahan dan komplikasinya.
14. Penyiasatan dan rawatan terhadap masalah tidur atau berdengkur, terapi penggantian hormon dan terapi alternatif seperti rawatan, perkhidmatan atau peralatan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada perkhidmatan chiropractic, acupunture, acupressure, refleksologi, pembetulan tulang, rawatan herba, mengurut, terapi aroma atau rawatan alternatif lain.
15. Penjagaan atau rawatan di mana pembayaran tidak diperlukan atau boleh dibiayai oleh insurans lain atau melindungi orang yang diinsuranskan dan kecacatan yang berlaku semasa waktu pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di Bawah Kontrak Insurans Perlindungan Pekerja.
16. Psikotik, mental atau penyakit urat saraf (termasuk sebarang penyakit neurosis dan psikologikal atau psikomatik yang jelas).
17. Kos/perbelanjaan perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan perubatan, seperti television, telefon, khidmat teleks, radio atau perkhidmatan yang berkaitan, kit kemasukan dan barang yang tidak ada kaitan dengan perubatan.
18. Kesakitan atau kecederaan yang disebabkan oleh sebarang perlumbaan (kecuali lumba jalan kaki), sukan yang merbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjunan udara, ski air, aktiviti dalam laut yang menggunakan peralatan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang diharamkan.
19. Penerbangan persendirian selain daripada penumpang berbayar di mana-mana perkhidmatan penerbangan komersial yang berlesen untuk membawa penumpang ke destinasi yang ditetapkan.
20. Perbelanjaan yang disebabkan oleh penukaran jantina.

Pastikan anda berpuas hati dengan pelan perlindungan ini untuk memenuhi keperluan anda dan bayaran premium di bawah polisi ini adalah di bawah kemampuan anda. Risalah ini bukanlah sebahagian daripada kontrak insurans. Butir-butir khusus pampasan, syarat-syarat dan peraturan serta butir-butir yang lain ada terdapat di dalam Kontrak Polisi. Anda akan diberi salinan Kontrak Polisi sebagai bukti pembelian.

ditaja jamin oleh:

eTiQa Insurance


Etiqa Insurance Berhad (266243 D)
(Formely known as Malaysia National Insurance Berhad)
Level 19, Tower C, Dataran Maybank,
No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800


Ahli Kumpulan Maybank